

Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan

Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview

AZIZ ABIDIN AZMI PUAT, Universiti Kebangsaan Malaysia
MOHAMMAD ZAINI YAHAYA¹, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 29, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Hotel mesra Muslim merupakan satu produk yang semakin berkembang dalam industri pelancongan di Malaysia. Sesuai dengan kemeriahannya, pelbagai penarafan hotel mesra Muslim telah diwujudkan oleh pelbagai agensi sebagai nilai tambah kepada segmen ini dalam penawaran perkhidmatan yang lebih kompetitif. Persoalannya adakah penarafan yang diwujudkan ini benar-benar memenuhi keperluan pelancong Muslim dan bersifat holistik? Justeru, artikel ini akan meninjau kajian-kajian lepas berkenaan standard penarafan hotel mesra Muslim, adakah ia memenuhi kayu ukur Maqasid Syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data kajian dikumpulkan melalui metode kajian literatur dan temu bual. Kajian literatur dikutip daripada kajian-kajian lepas, merangkumi artikel dan dokumen tentang standard penarafan hotel mesra Muslim. Sesi temu bual bersama dua informan yang berkaitan dengan industri pelancongan juga dijalankan. Kemudian, data dianalisis secara tematik. Hasilnya menunjukkan standard penarafan ini masih tidak mencapai sasaran syariah dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim. Keselamatan nyawa dan harta tidak menjadi unsur yang penting dalam penilaian mereka. Hal ini tidak selari dengan fungsi hotel sebagai tempat perlindungan. Tuntutan Maqasid Syariah perlu dipatuhi sepenuhnya dalam menjadikan penarafan hotel mesra Muslim bersifat holistik.

Kata Kunci: sistem penarafan hotel, pelancongan Islam, keperluan pelancong Muslim, industri perhotelan, Maqasid Syariah

ABSTRACT

Muslim friendly hotel is a fast-growing product of tourism industry in Malaysia. By virtue of that, various of Muslim friendly hotel rating systems were established by several agencies as an additional value for more competitive service in tourism. What remains obscure, are those rating systems really fulfill Muslim tourists' needs and inherently holistic? Thus, this article aims to review past research regarding Muslim friendly hotel rating systems, are they meet Maqasid Syariah guidelines perfectly. This is qualitative research with content analysis design. All the data gained from literature review includes articles and documents about Muslim friendly hotel rating systems as well as interview session with a few informants related to tourism industry. The outcome indicates that all the rating's standards do not completely accomplish Syariah objectives in full filling Muslim tourists' needs. Protection of live and property are not the requisite elements in their inspections. It is opposites to the hotel's function as protection. The standards must adhere firmly to Maqasid Syariah principle to ensure a holistic Muslim friendly hotel rating remain.

Keywords: hotel rating system, Islamic tourism, Muslim tourists' needs, hotel industry, Maqasid Syariah

PENGENALAN

Hotel mesra Muslim merupakan hotel yang menyediakan kemudahan asas bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong Muslim (Zakiah & Fadilah 2013; Rozila, Noor Azimin & Mohd Hyrul 2019). Marcapada ini, produk hotel mesra Muslim semakin dikenali dan diterokai oleh pengusaha hotel. Produk ini sangat penting untuk memberikan keselesaan dan keyakinan kepada pelancong Muslim

yang menginap di sesebuah hotel. Dalam masa yang sama, timbul pula pelbagai agensi sama ada swasta mahupun kerajaan menawarkan penarafan hotel mesra Muslim bagi memberikan pengiktirafan sebagai sebuah hotel yang mesra Muslim kepada mana-mana hotel yang berminat. Pengiktirafan ini pasti dapat memberikan nilai tambah kepada para pengusaha hotel mesra Muslim dalam penawaran perkhidmatan mereka. Namun, memenuhi keperluan pelancong

¹ Corresponding author.

Muslim perlulah menjadi keutamaan di dalam penarafan yang diperkenalkan. Oleh itu, standard penarafan hotel mesra Muslim yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi sepatutnya didasari *kulliyāt* utama di dalam Maqasid Syariah. Penggunaan Maqasid Syariah sebagai dasar dapat menjamin keperluan pelancong Muslim dipenuhi secara holistik.

PERNYATAAN MASALAH

Kini, bilangan ketibaan pelancong Muslim di peringkat antarabangsa telah bertambah, daripada anggaran seramai 108 juta orang pelancong pada tahun 2013 sehinggalah 160 juta orang pelancong pada tahun 2019. Akan tetapi, impak daripada penularan wabak berbahaya iaitu COVID-19, ia telah memberikan kesan yang sangat besar terhadap jumlah bilangan ketibaan pelancong Muslim ini iaitu telah menurun kepada 42 juta orang pelancong pada tahun 2020. Percutian mereka ini pula, lebih 90% daripadanya berlaku pada suku pertama tahun 2020 iaitu sebelum kebanyakan daripada sempadan-sempadan negara ditutup daripada kemasukan pelancong. Meskipun begitu, sempadan-sempadan negara ini dijangka akan dibuka semula secara perlahan-lahan pada akhir tahun 2021 dan membolehkan jangkakan seramai 26 juta orang pelancong Muslim untuk kembali melancong. Pasaran pelancongan Muslim ini juga diharapkan akan pulih kembali lebih daripada 80% dari tahun 2019 ke 2023. Data-data ini menunjukkan bahawa pelancongan Muslim hakikatnya sangatlah memberangsangkan dan memberikan impak yang signifikan kepada industri pelancongan, apatah lagi Malaysia pula dinobatkan sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang pertama oleh *Global Muslim Travel Index* sejak daripada tahun 2015 sehinggalah tahun 2021 (Mastercard-CrescentRating 2021).

Perkembangan pelancongan Islam telah membuka peluang kepada segmen yang pelbagai dalam industri pelancongan seperti pemandu pelancong, penerbangan, restoran dan banyak lagi termasuklah hotel. Dalam memastikan keperluan para pelancong Muslim dipenuhi sebaiknya ketika melancong, pemain industri hotel yang mempunyai peranan utama dalam hal ini giat menghasilkan perkhidmatan yang mesra Muslim. Ini kerana segmen hotel mesra Muslim sangatlah penting untuk memberikan keselesaan dan keyakinan kepada pelancong Muslim yang melancong, memudahkan mereka untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim serta menarik lebih ramai pelancong menetap di hotel tersebut dengan selesa (Muhamad Mazlan 2021). Tambahan lagi, pelbagai pihak pula telah menawarkan khidmat penarafan dan akreditasi mesra Muslim terhadap hotel melalui penarafan hotel mesra Muslim sebagai satu nilai tambah bagi hotel dalam penawaran perkhidmatan yang lebih kompetitif. Malah, menurut kajian yang dilakukan oleh Kiplagat W.K., Makindi S. & Obwoyere G.O. (2015), mereka mengutarakan satu hubungan yang kuat antara

penarafan hotel dan hasil pendapatan hotel. Hal ini menjadi satu bukti bahawa untuk meningkatkan pendapatan hasil hotel dengan kunjungan lebih ramai pelancong, pihak hotel perlu menambahkan penarafan yang mereka dapatkan kerana penarafan sangat membantu hotel untuk bersaing dalam pasaran.

Walaupun begitu, keperluan pelancong Muslim ketika menginap di hotel sepatutnya dipelihara berlandaskan tuntutan Maqasid Syariah. Sebagai seorang Muslim yang mukalaf, kita perlu memahami dan menjadikan Maqasid Syariah sebagai matlamat utama kehidupan kerana kita dituntut untuk mencapai dan merealisasikan matlamat-matlamat yang dikehendaki oleh syarak (al-Raysūni 2010). Namun persoalannya, adakah penarafan yang diwujudkan ini benar-benar memenuhi keperluan pelancong Muslim dan bersifat holistik mengikut kerangka Maqasid Syariah?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan meninjau dan menganalisis kajian-kajian lepas berkenaan standard penarafan hotel mesra Muslim, adakah standard-standard yang digunakan sebagai penilaian ini memenuhi kayu ukur Maqasid Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Menurut Downe-Wambolt, B. (1992), pendekatan analisis kandungan dapat memberikan hasil yang sistematik dan telus dalam membuat sesuatu kesimpulan daripada data-data lisan, visual dan penulisan bagi menghuraikan dan mengukur sesuatu fenomena yang spesifik. Oleh itu, metode ini sangatlah sesuai kerana data bagi kajian ini merangkumi data-data lisan dan penulisan tentang standard penarafan hotel mesra Muslim, yang kemudiannya dianalisis dalam membuat kesimpulan bagi kajian.

1. Metode Pengumpulan Data

Data-data yang terdiri daripada data primer dan sekunder dikumpulkan melalui metode kajian literatur dan temu bual. Kajian literatur merupakan cara yang lebih sistematik dalam mengumpulkan dan mensintesis kajian-kajian yang lepas (Baumeister, R. F., & Leary, M. R. 1997). Hasil sintesis tersebut mampu menonjolkan data-data yang kukuh dan menyingkap ruang-ruang yang memerlukan kajian lanjutan. Ia juga membolehkan pengkaji melihat skop kajian dari sudut yang pelbagai (Snyder, H. 2019). Justeru, pengkaji memilih bahan-bahan literatur yang merangkumi dokumen, artikel jurnal dan prosiding, laporan serta laman sesawang yang berkaitan dengan standard penarafan hotel mesra Muslim seperti *Shariah Islamic Hotel Assessment Tool* (SIHAT), *Salam Standard*, *Crescent Rating*, MS2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services* dan *Muslim*

Friendly Accommodation Recognition (MFAR). Manakala temu bual pula dijalankan bersama dua orang informan iaitu Dr. Khairusy Syakirin Has-Yun bin Hashim daripada *Kulliyah of Architecture and Environmental Design* di *International Islamic University Malaysia* (IIUM) dan Encik Muhamad Mazlan bin Kamaruddin, *Executive Officer, Industry Development* di *Islamic Tourism Centre* (ITC) yang mempunyai pengetahuan tentang *Muslim-Friendly Hotel Rating Systems* (MFHRS) dan *Muslim Friendly Accommodation Recognition* (MFAR). Temu bual ini berbentuk separa berstruktur. Sampel kajian pula dipilih melalui pensampelan bertujuan. Temu bual secara individu ini sangatlah berkesan dalam mendapatkan maklumat secara terperinci daripada informan tentang sesuatu perkara, keadaan dan sosial. Bentuk separa berstruktur pula dapat memberikan peluang kepada pengkaji untuk membincangkan topik dengan lebih mendalam kerana pengkaji boleh mengajukan soalan susulan (Fox, N.J. 2000).

2. Metode Analisis Data

Data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan literatur dan transkrip daripada temu bual yang dijalankan, dianalisis secara tematik. Analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengemukakan tema atau corak bagi sesuatu data. Ia dapat menyusun data dengan baik dan menjelaskan data secara terperinci (Braun, V. & Clarke, V. 2006). Hasil data berkenaan standard penarafan hotel mesra Muslim yang telah dikumpulkan daripada dokumen-dokumen dan transkrip temu bual akan disusun secara bertema berdasarkan *kulliyāt* Maqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta serta sudut positif dan sudut negatif. Pengelasan tema-tema yang telah disusun akan diteliti dan diutarakan kesimpulannya.

TINJAUAN LITERATUR

1. Perkembangan Penarafan Hotel Mesra Muslim

Pada peringkat permulaan kewujudan standard bagi hotel patuh syariah, Rosenberg & Choufany (2009) menyenaraikan kriteria minimum yang perlu ada bagi sesebuah hotel patuh syariah. Mereka menyatakan bahawa pada ketika itu, tidak ada satu pun peraturan bertulis atau pengelasan hotel patuh syariah yang wujud. Manakala menurut Henderson (2010) pula, walaupun tidak ada kriteria yang formal bagi hotel patuh syariah dalam sektor perhotelan ketika itu, namun jika dilihat dengan lebih teliti terhadap kenyataan daripada pemain dan penganalisis industri, terdapat beberapa kriteria yang dipersetujui dan disepakati oleh mereka. Hakikatnya kini, terdapat pelbagai usaha yang telah dijalankan dalam membina standard hotel patuh syariah atau mesra Muslim secara formal. Antara organisasi yang terawal mengeluarkan sistem penarafan ialah *CrescentRating* dengan penarafannya yang bernama *Crescent Rating*.

Penarafan ini telah dilancarkan pada bulan Disember tahun 2008. Pada peringkat awal, ia hanya memberikan penarafan terhadap hotel sahaja. Kini, ia telah berkembang dan merangkumi penarafan terhadap servis-servis yang lain seperti pakej pelancongan, restoran, spa, taman tema dan sebagainya. Selain itu, syarikat ini juga menawarkan kursus latihan, konsultan, pembinaan produk dan lain-lain (*CrescentRating* 2021a).

Di Malaysia, pada Oktober 2015, Faez Fadhilah selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama bagi *Tripfez Travel* telah menubuhkan sistem penarafan yang bernama *Salam Standard*. Penarafan ini dibina setelah melakukan satu tinjauan terhadap 50,000 orang pelancong Muslim untuk mengetahui servis dan kemudahan apakah yang paling penting bagi mereka ketika melancong. Lebih daripada 55,000 buah hotel yang merangkumi lebih daripada 50 buah negara telah diberikan penarafan oleh *Salam Standard* (Corinne Wan 2017; *Salam Standard* 2017; *Tripfez Travel* 2021). Selain itu, *International Institute for Halal Research and Training* (INHART) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menghasilkan satu sistem penarafan yang digelar sebagai *Muslim-Friendly Hotel Rating Systems* (MFHRS). Mereka diberikan geran penyelidikan di bawah *Niche Research Grant System* (NRGS) untuk membina penarafan ini. Pada peringkat permulaan kajian, pengkaji-pengkaji dibahagikan kepada empat kumpulan yang mempunyai matlamat kajian yang berbeza. Kumpulan pertama adalah untuk menghasilkan standard hotel mesra Muslim dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia dan lain-lain, di mana hasilnya ialah lahirnya standard MS2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services*. Kumpulan kedua pula perlu menghasilkan sebuah sistem penarafan yang diberi nama *Muslim-Friendly Hotel Rating Systems* (MFHRS). Penarafan ini telah berjaya diterbitkan dan mendapat hak cipta yang terpelihara. Kumpulan ketiga merupakan penyelidik daripada *Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences* di UIAM untuk membantu kumpulan kedua dalam topik Maqasid Syariah. Kumpulan terakhir iaitu kumpulan keempat merupakan penyelidik daripada *Kulliyah of Economics and Management Sciences* di UIAM untuk mengkaji kesan penarafan tersebut kepada industri pelancongan secara umum. Sehingga kini, terdapat 20 buah hotel telah diaudit dan diberikan penarafan menggunakan sistem ini. Empat buah hotel daripadanya merupakan hotel di Malaysia, empat buah lagi di Korea Selatan dan selebihnya pula di Taiwan (Khairusy Syakirin Has-Yun 2021).

Di samping itu, Jabatan Standard Malaysia merupakan satu badan standard kebangsaan dan akreditasi Malaysia. Pada tahun 2015, mereka telah menerbitkan satu standard yang bernama MS2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services*. Pembinaannya melibatkan jawatankuasa "*Technical Committee on Management System from Islamic*

Perspectives” yang merangkumi pelbagai organisasi seperti *Muslim Consumers’ Association of Malaysia*, *Research Institute of Standards in Islam*, *Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd* dan lain-lain di bawah kuasa *Industry Standards Committee on Halal Standards* (Jabatan Standard Malaysia 2015). Kuasa untuk memberikan pengiktirafan dan penarafan kepada hotel-hotel menggunakan standard ini telah diberikan kepada *SIRIM QAS International Sdn Bhd*. Standard ini merupakan standard yang pertama di Malaysia dan telah menjadi rujukan atau dasar bagi organisasi yang lain dalam proses audit dan penarafan mereka (Khairusy Syakirin Has-Yun 2021; SIRIM QAS 2021).

Seterusnya, Pengiktirafan Premis Penginapan Pelancongan Mesra Muslim atau *Muslim Friendly Accommodation Recognition* (MFAR) adalah sebuah produk akreditasi daripada institusi kerajaan iaitu *Islamic Tourism Centre* (ITC) yang merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Penarafan ini telah dibina pada 24 Julai 2019 dan sehingga kini, sebanyak 44 buah hotel telah diberikan pengiktirafan hotel mesra Muslim berdasarkan sistem penarafan ini. Syarat utama untuk mendapatkan pengiktirafan ini ialah hotel tersebut perlu berdaftar dan mendapat penarafan bintang oleh MOTAC terlebih dahulu. Tambahan pula, penarafan ini hanyalah secara sukarela serta tanpa bayaran sebarang yuran sehingga tahun 2022. Antara objektif pengiktirafan ini adalah untuk memberikan nilai tambah kepada premis-premis penginapan sedia ada yang telah mendapat penarafan bintang oleh MOTAC, bagi membantu pengusaha hotel untuk memasarkan premis penginapan mereka selain memberikan jaminan keselamatan dan kebersihan kepada para pelancong (Muhamad Mazlan 2021). Pengiktirafan ini juga melakar sejarah apabila ia dianggap sebagai pengiktirafan hotel mesra Muslim yang pertama di dunia dikeluarkan oleh agensi kerajaan. Sedangkan pengiktirafan lain yang ada sekarang kesemuanya adalah dalam kalangan agensi swasta (*Islamic Tourism Centre 2020a*). Selain daripada itu, terdapat juga kajian-kajian daripada ahli akademik yang mencadangkan senarai semak atau standard bagi hotel mesra Muslim. Antaranya ialah *Shariah Compliant Audit Checklist* (Rashidi Othman et al. 2015), *Shariah Islamic Hotel Assessment Tool* (SIHAT) (Mohd Rizal, Risyawati dan Noorulsadiqin 2015), *The Audit Checklist for Muslim Friendly Hotel* (AC-MFHR) (Siti Syahirah et al. 2017) dan sebagainya.

2. Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim

Rosenberg dan Choufany (2009) telah menyenaraikan kriteria minimum bagi hotel patuh syariah kepada tiga aspek iaitu yang pertama, operasi hotel. Ia meliputi servis yang hotel sediakan seperti makanan halal, ketiadaan alkohol dan kelengkapan ibadah. Kedua

ialah reka bentuk & dalaman hotel iaitu kemudahan dan aktiviti hotel yang bebas daripada unsur yang dilarang seperti ketiadaan kelab malam dan pemisahan kemudahan antara lelaki dan perempuan. Ketiga ialah kewangan iaitu menggunakan prinsip Islam dan prinsip zakat. Henderson (2010) pula menyenaraikan 13 kriteria hotel patuh syariah yang dipersetujui oleh penganalisis dan pemain industri menurut pemerhatiannya. Kriteria itu berkaitan alkohol, makanan halal, kemudahan solat, hiburan, staf hotel, pemisahan jantina dan kewangan.

Selain itu, *Shariah Islamic Hotel Assessment Tool* (SIHAT) terdiri daripada lima praktikal utama iaitu pentadbiran, tempat awam, bilik tidur, servis serta makanan dan minuman yang merangkumi 64 kriteria. Kesemua praktikal ini terhasil daripada pelbagai kerangka kerja seperti sistem persijilan halal daripada JAKIM, *Islamic Quality Standard* (IQS), pengurusan sumber manusia Islam, pasaran Islam dan kewangan Islam. Dari sudut penilaiannya, ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu *standard* dan *advanced*. Kategori *standard* hanyalah menilai kewujudan kriteria-kriteria hotel patuh syariah yang disenaraikan manakala kategori *advanced* pula menilai tahap aplikasi kriteria tersebut. Tahap aplikasi itu pula dibahagikan kepada tiga tahap iaitu *low* (<33%), *medium* (34–67%) dan *high* (68–100%) (Mohd Rizal, Risyawati dan Noorulsadiqin 2015). *Muslim Friendly Accommodation Recognition* (MFAR) yang diperkenalkan oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC) pula mempunyai tiga jenis sijil pengiktirafan hotel mesra Muslim iaitu *Silver*, *Gold* dan *Platinum*, berdasarkan kepada tahap kesediaan hotel tersebut. Aspek penilaiannya merangkumi beberapa perkara seperti makanan halal, kelengkapan solat, pemisahan jantina, etika pakaian pekerja dan penasihat syariah. Pembangunan kriteria-kriteria penarafan MFAR adalah berdasarkan Garis Panduan Pengelasan Premis Penginapan Pelancong oleh MOTAC dan MS2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements* oleh Jabatan Standard Malaysia (*Islamic Tourism Centre 2020b*; Muhamad Mazlan 2021).

Seterusnya, standard MS 2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services* pula terapkan bukan sahaja ke atas premis penginapan, akan tetapi ia juga terpakai kepada perkara lain seperti pakej pelancongan dan pemandu pelancong. Standard ini mempunyai tiga jenis kriteria. Pertama ialah kriteria umum. Ia merangkumi enam aspek tanggungjawab iaitu pihak pengurusan, pekerja, sistem pengurusan servis mesra Muslim, latihan, dokumentasi & penyimpanan dan komunikasi. Kedua ialah kriteria khusus. Bagi premis penginapan, ia terbahagi kepada lima aspek utama iaitu bilik, makanan & minuman, surau awam, tandas awam dan kemudahan rekreasi. Ketiga ialah kriteria perundangan iaitu semua produk dan servis perlulah mematuhi undang-undang di Malaysia (Jabatan Standard Malaysia 2015).

Penarafan *Crescent Rating* pula mengkategorikan kriteria hotel mesra Muslim kepada empat kategori; makanan halal, prasarana solat, perkhidmatan sepanjang Ramadan dan tahap aktiviti tidak halal. Penilaiannya terbahagi kepada tujuh skala iaitu skala satu sehingga skala tujuh. Skala satu adalah skala yang terendah manakala skala tujuh adalah skala yang tertinggi. Hotel-hotel yang ditarafkan dengan skala satu hingga tiga digelar sebagai hotel yang 'membantu' pelancong Muslim. Hotel tersebut mampu menyediakan maklumat waktu solat, arah kiblat, makanan halal dan masjid, tetapi tidak menyediakan makanan halal di premis hotel. Hotel skala empat pula, selain mampu menyediakan kriteria sebelum ini, mereka juga menyediakan servis makanan halal sama ada sarapan pagi dan/atau melalui servis bilik atau mereka mendakwa bahawa semua makanan yang disediakan di hotel ialah halal tetapi tidak diiktiraf badan berautoriti bagi persijilan makanan halal. Hotel skala lima pula mempunyai semua kriteria sebelum ini tetapi mereka mempunyai sijil pengiktirafan halal terhadap dapur atau restoran (kecuali di Timur Tengah). Skala tertinggi iaitu skala enam dan tujuh mempunyai kebanyakan daripada perkhidmatan dan kemudahan bagi pelancong Muslim. Mereka juga hanya menyediakan makanan halal sahaja (CrescentRating 2021b).

Di samping itu, *Salam Standard* membahagikan kategori hotel mesra Muslim kepada empat tahap. Tahap pertama ialah *Bronze* iaitu penginapan yang asas. Hotel perlu memastikan semua bilik mempunyai tandas dan tempat mandi, menyediakan sejadah dan arah kiblat. Tahap kedua ialah *Silver* iaitu penginapan yang sederhana. Tambahan daripada kriteria *Bronze*, hotel perlu menyediakan senarai restoran halal berdekatan dan tiada bar mini. Tahap ketiga ialah *Gold* iaitu penginapan berskala besar. Tambahan daripada kriteria *Silver*, hotel perlu menyediakan makanan yang diiktiraf halal oleh badan persijilan halal. Tahap keempat ialah *Platinum* iaitu penginapan yang menyeluruh. Tambahan daripada kriteria *Gold*, keseluruhan premis hotel adalah bebas daripada alkohol (Salam Standard 2021). Di samping itu, *Muslim-Friendly Hotel Rating Systems* (MFHRS) menggunakan sistem penarafan bintang iaitu pemarkahan satu bintang sebanyak 50% hingga 59%, dua bintang sebanyak 60% hingga 69%, tiga bintang sebanyak 70% hingga 79%, empat bintang sebanyak 80% hingga 89% dan lima bintang sebanyak 90% hingga 100%. Ia juga mempunyai tujuh kategori penilaian dengan beberapa item di bawah setiap kategori. Kategori pertama ialah perkara umum; seperti larangan lukisan bernyawa dan pasangan tidak berkahwin. Kategori kedua ialah makanan dan minuman; seperti tiada alkohol dihidangkan dan makanan halal. Kategori ketiga ialah bilik; seperti ruang yang mencukupi untuk solat dan penanda arah kiblat. Kategori keempat ialah kemudahan rekreasi dan hiburan seperti pemisahan jantina di spa dan kolam renang serta etika kod pakaian yang Islamik. Kategori kelima ialah sumber manusia seperti staf

yang menutup aurat dan menubuhkan penasihat syariah bagi hotel. Kategori keenam ialah kewangan seperti mengeluarkan zakat dan prinsip kewangan Islam. Terakhir ialah inovasi seperti dakwah dan ICT.

Setiap item ini juga ditandai dengan matriks penjagaan Maqasid Syariah yang lima dan tahap keperluannya. Contohnya, item 'sumber makanan daripada pengeluar mesti mempunyai pensijilan halal daripada badan berautoriti' ditandai dengan PnL yang bermaksud *Primary Needs – Life*. Ini kerana item tersebut merupakan penjagaan nyawa dan tahap keperluannya berada di tahap *darūriyyāt*. Selain itu, standard penarafan ini juga dibezakan antara negara Islam dan negara bukan Islam. Ia mempunyai dua versi yang berbeza (Khairusy Syakirin Has-Yun 2021).

3. Maqasid Syariah Sebagai Dasar Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim

Maqasid Syariah merupakan matlamat-matlamat syarak yang perlu direalisasikan demi kemaslahatan manusia (al-Raysūni 1995). Maqasid umum daripada segala pensyariatan itu adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia dan ia terbahagi kepada tiga tahap iaitu: *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Secara vertikal, aspek pemeliharannya terbahagi kepada lima tunjang asas iaitu agama, nyawa, keturunan, harta dan akal (al-Shāṭibi 2006). Setiap apa yang membawa kepada penjagaan lima perkara asas ini dikenali sebagai *maṣlahah*, manakala perkara yang menghilangkannya atau menjejaskannya dikenali sebagai *mafsadah* dan menghalangnya berlaku juga merupakan *maṣlahah* (al-Ghazāli 1973). Tambahan pula, penjagaan lima aspek maqasid berlaku dalam dua aspek.

Pertama, penjagaannya dari aspek positif (*jānib al-wujūd*) yang bermaksud apa sahaja perkara yang dapat membangunkan dan meneguhkannya. Kedua, penjagaannya dari aspek negatif (*jānib al-'adam*) yang bermaksud menghalangnya daripada sebarang perkara yang boleh mencacatkannya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis item-item penilaian daripada tujuh jenis standard penarafan hotel mesra Muslim iaitu kajian Rosenberg & Choufany (2009), Henderson (2010), SIHAT, MS2610, *Crescent Rating*, *Salam Standard*, MFHRS dan MFAR berdasarkan *kullīyyāt* Maqasid Syariah yang utama iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta serta dari aspek positif dan negatif bagi setiap penjagaan.

Bagi penjagaan agama, kita dapat melihat kesemua penarafan ini memasukkan elemen penjagaan ibadah solat sebagai salah satu standard hotel mesra Muslim. Kesemua item ini boleh diklasifikasikan sebagai penjagaan agama dari aspek positif. Antara item penilaian yang paling utama ialah hotel perlu menyediakan kelengkapan bagi melaksanakan ibadah solat seperti sejadah, arah kiblat, telekung solat bagi perempuan dan jadual waktu solat.

Ruang di dalam bilik pula perlulah cukup keluasannya untuk ditunaikan solat dan di dalam tandas perlu disediakan paip air untuk memudahkan pelaksanaan wuduk dan bersuci. Namun, bagi penjagaan ibadah puasa di bulan Ramadan, hanya penarafan *Crescent Rating* dan standard MS 2610 sahaja yang memasukkan elemen ini di dalam penilaian mereka seperti menyediakan juadah makanan kepada pengunjung hotel untuk bersahur dan berbuka puasa serta pengangkutan daripada hotel ke masjid. Dari aspek negatif pula, terdapat tiga penarafan sahaja yang mempunyai item yang berkaitan iaitu Rosenberg & Choufany (2009), SIHAT dan MFHRS. Item tersebut ialah hotel tidak mempamerkan patung atau lukisan bernyawa sebagai hiasan.

Selain itu, bagi penjagaan nyawa pula, dari aspek positif, item yang ditekankan oleh semua penarafan adalah tentang penyediaan makanan halal kepada pengunjung hotel. Sama ada penekanannya di tahap yang rendah seperti hanya menyediakan maklumat berkenaan restoran halal yang berdekatan dengan hotel, atau di tahap yang tinggi seperti premis hotel hanya menyediakan makanan halal sahaja dan mereka mendapat pengiktirafan sijil halal oleh badan persijilan halal yang berautoriti. Manakala tiga penarafan sahaja iaitu SIHAT, MS2610 dan MFHRS yang memasukkan item lain seperti kewujudan kemudahan rekreasi di premis dan persekitaran hotel yang sentiasa bersih. Dari aspek negatif pula, kesemua penarafan dilihat tidak meletakkan item yang berkaitan seperti kawalan keselamatan oleh pengawal, kewujudan alat kelengkapan kecemasan seperti alat pemadam api, alat pengesan asap dan lain-lain, kewujudan kamera litar tertutup di kawasan yang sunyi dan sebagainya kecuali SIHAT dan MFHRS ada menyebutkan secara umum di dalam item penilaian mereka iaitu memastikan keselamatan pengunjung ketika menginap di hotel dan larangan aktiviti jenayah.

Seterusnya, terdapat beberapa item penjagaan akal dari aspek positif yang wujud iaitu menyediakan muzik yang Islamik seperti nyanyian nasyid dan menyediakan saluran televisyen yang mesra Muslim. Item ini hanya terdapat di dalam SIHAT dan MFHRS. Manakala dari aspek negatif pula, item yang menjadi keutamaan sebagai penilaian oleh kesemua standard penarafan ini ialah ketiadaan alkohol, sama ada ia hanya secara kecil-kecilan seperti tiada bar mini di dalam bilik atau secara menyeluruh iaitu ketiadaannya di keseluruhan premis hotel, kecuali penarafan MFAR.

Terdapat juga item yang menyebutkan larangan hiburan yang haram seperti kelab malam dan

rancangan televisyen yang lucu. Hal ini disebutkan di dalam kajian Rosenberg & Choufany (2009), Henderson (2010) dan penarafan *Crescent Rating*.

Di samping itu, penjagaan keturunan dari aspek positif dilihat sebagai bukan penilaian utama bagi hotel mesra Muslim. Hal ini kerana fungsi utama hotel ialah menjadi perlindungan kepada pengunjung (Mohammad Zaini, Muhammad Adib dan Mohd Izhar Ariff 2020). Manakala dari aspek negatif pula, kebanyakan penarafan kecuali MS2610 dan *Salam Standard* memasukkan item pemisahan jantina di tempat-tempat kemudahan awam seperti gimnasium, kolam renang, kaunter pendaftaran, aras bilik, lif dan spa. Terdapat juga item memastikan staf hotel menutup aurat di dalam beberapa penarafan seperti Henderson (2010), SIHAT, MFHRS dan MFAR. Namun, item mengenai larangan bersekedudukan antara lelaki dan perempuan belum berkahwin di dalam satu bilik hanya terdapat pada Rosenberg & Choufany (2009) dan MFHRS. Sepatutnya larangan ini ditekankan dengan lebih tegas oleh kesemua penarafan kerana perbuatan ini akan menyebabkan gejala zina lebih berleluasa.

Akhir sekali, penjagaan harta dari aspek negatif hanya dinilai oleh Rosenberg & Choufany (2009), Henderson (2010), SIHAT dan MFHRS. Tetapi ia dilihat hanya menumpukan kepada beberapa item tertentu sahaja iaitu pengeluaran zakat/memberikan sedekah dan sistem kewangan yang menggunakan prinsip muamalat Islam. Sedangkan penjagaan harta ini hakikatnya melibatkan lebih banyak perkara yang lain seperti kewujudan peti besi keselamatan di dalam bilik, kunci pintu bilik berfungsi dengan baik, tempat parkir kereta yang mempunyai pencahayaan yang baik dan sebagainya. Aspek-aspek ini langsung tidak ditekankan oleh mana-mana penarafan yang ada. Adapun penjagaan harta dari aspek positif, ia dilihat sebagai bukan keperluan utama bagi sebuah hotel sepertimana penjagaan keturunan dari aspek positif.

Berikut merupakan Jadual 1 sebagai ringkasan hasil kajian:

Jadual 1: Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah

Petunjuk:

- R & C = Rosenberg & Choufany (2009)
- Hdn = Henderson (2010)
- CR = Crescent Rating
- SS = Salam Standard

Kulliyāt Maqasid Syariah		Item		R & C	Hdn	SIHAT	MS2610	CR	SS	MFHRS	MFAR
Agama	Positif		Ruang solat	X	/	/	/	/	X	/	/

Kulliyāt Maqasid Syariah		Item	R & C	Hdn	SIHAT	MS2610	CR	SS	MHRS	MFAR	
	Penja-gaan ibadah solat	Sejadah	/	/	/	/	/	/	/	/	
		Arah kiblat	/	/	/	/	/	/	/	/	
		Telekung solat perempuan	X	X	X	/	X	X	/	X	
		Jadual waktu solat	X	X	/	/	/	X	/	X	
		Paip air	X	/	/	/	X	/	/	/	
	Penja-gaan ibadah puasa	Juadah untuk bersahur dan berbuka	X	X	X	/	/	X	X	X	
		Pengangkutan ke masjid	X	X	X	X	/	X	X	X	
Negatif	Tidak mempamerkan patung atau lukisan bernyawa sebagai hiasan	/	X	/	X	X	X	/	X		
Nyawa	Positif	Penyediaan makanan halal	/	/	/	/	/	/	/	/	
		Kebersihan	X	X	/	X	X	X	/	X	
		Mempunyai kemudahan rekreasi	X	X	/	/	X	X	X	X	
	Negatif	Mempunyai alat kelengkapan kecemasan	X	X	X	X	X	X	X	X	
		Mempunyai CCTV di kawasan sunyi	X	X	X	X	X	X	X	X	
		Memastikan keselamatan pengunjung ketika menginap di hotel	X	X	/	X	X	X	X	X	
		Larangan aktiviti jenayah	X	X	X	X	X	X	/	X	
Kawalan keselamatan oleh pengawal	X	X	X	X	X	X	X	X			
Akal	Positif	Muzik islamik seperti nasyid	X	X	/	X	X	X	/	X	
		Bahan bacaan yang informatif	X	X	X	X	X	X	X	X	
		Saluran televisyen yang mesra Muslim	/	X	X	X	X	X	/	X	
	Negatif	Tiada alkohol	Mini bar di bilik	/	X	/	/	/	/	X	
			Alkohol di keseluruhan premis	/	/	/	X	/	/	/	X
		Tiada hiburan yang haram	Kelab malam	/	/	X	X	/	X	X	X
			Rancangan televisyen yang lucu	/	/	X	X	/	X	X	X
Keturu-nan	Positif	-	-	-	-	-	-	-	-		
	Negatif	Pemisahan jantina di tempat kemudahan seperti gimnasium, spa dan lain-lain	/	/	/	X	/	X	/	/	
		Staf yang menutup aurat	X	/	/	X	X	X	/	/	
		Larangan bersekedudukan antara lelaki dan perempuan belum berkahwin dalam satu bilik	/	X	X	X	X	X	/	X	
Harta	Positif	-	-	-	-	-	-	-	-		

Kulliyāt Maqasid Syariah		Item	R & C	Hdn	SIHAT	MS2610	CR	SS	MHRS	M FAR
Negatif		Pengeluaran zakat/memberikan sedekah	/	X	/	X	X	X	/	X
		Menggunakan sistem kewangan Islam	/	/	/	X	X	X	/	X
		Kewujudan peti besi keselamatan di dalam bilik	X	X	X	X	X	X	X	X
		Kunci pintu bilik berfungsi dengan baik	X	X	X	X	X	X	X	X
		Tempat parkir kereta yang mempunyai pencahayaan yang baik	X	X	X	X	X	X	X	X

KESIMPULAN

Penarafan hotel mesra Muslim yang ditawarkan oleh pelbagai agensi ini memberikan kelebihan yang besar kepada imej dan nama hotel. Bukan setakat itu, ia juga memudahkan pelancong Muslim mengetahui status perkhidmatan dan kemudahan yang hotel sediakan kepada mereka ketika menginap. Walau bagaimanapun, penarafan ini perlu diperhalusi dan dipastikan bahawa ia memenuhi keperluan pelancong Muslim secara holistik menurut perspektif Maqasid Syariah. Kajian ini mendapati bahawa fokus utama bagi setiap standard penarafan hotel mesra Muslim ini hanyalah tertumpu kepada item-item yang konservatif iaitu penjagaan agama dari aspek positif seperti menyediakan kemudahan yang berkaitan dengan ibadah, penjagaan nyawa dari aspek positif seperti penyediaan makanan yang halal, penjagaan akal dari aspek negatif seperti ketiadaan alkohol sama ada di bilik sahaja atau keseluruhan premis hotel, penjagaan keturunan dari aspek negatif seperti pemisahan jantina di tempat kemudahan awam dan penjagaan harta dari aspek negatif seperti pengeluaran zakat dan sistem kewangan Islam. Hakikatnya, keperluan pelancong Muslim merangkumi lebih banyak perkara daripada elemen yang sedia ada. Antara elemen yang jelas tidak diendahkan oleh penarafan-penarafan ini ialah item-item keselamatan nyawa dan harta seperti kawalan keselamatan oleh pengawal, kewujudan alat kelengkapan kecemasan, peti besi keselamatan di dalam bilik, kunci pintu bilik berfungsi dengan baik, tempat parkir kereta yang mempunyai pencahayaan yang baik dan lain-lain. Selain itu, bagi aspek penjagaan yang lain juga dilihat tidak memenuhi keperluan pelancong Muslim sepenuhnya. Contohnya, kita dapat lihat hanya *Crescent Rating* dan MS 2610 sahaja yang menyatakan item berkaitan penjagaan ibadah puasa di bulan Ramadan, sedangkan ia merupakan ibadah utama bagi umat Islam selain daripada ibadah solat. Larangan bersekedudukan pasangan belum berkahwin juga tidak ditekankan oleh kebanyakan penarafan, sedangkan ia merupakan punca utama gejala zina berlaku. Ini menjadikan standard penarafan yang sedia ada ini tidak holistik dan tidak mencapai matlamat-matlamat yang

digariskan di dalam Maqasid Syariah sepenuhnya. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memastikan standard penarafan hotel mesra Muslim ini benar-benar memenuhi keperluan pelancong yang beragama Islam.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil penyelidikan daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2019/SSI03/UKM/02/6.

RUJUKAN

- Baumeister, R. F. & Leary, M. R. 1997. Writing narrative literature reviews. *Review of General Psychology* 1: 311–320.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- Corinne Wan. 2017. Salam Standard adds a premium classification scheme. <https://www.travelweekly-asia.com/Travel-News/Hotel-News/Salam-Standard-adds-a-premium-classification-scheme> [31 Julai 2021].
- CrescentRating. 2021a.FAQs. <https://www.crescentrating.com/FAQ.html> [31 Julai 2021].
- CrescentRating. 2021b. Get Your Hotel’s Muslim Friendly services Audited and Rated. <https://www.crescentrating.com/rating-accreditations/hotels.html> [31 Julai 2021].
- Downe-Wambolt, B. 1992. Content analysis: method, applications and issues. *Health Care for Women International* 13: 313-321.
- Fox, N.J. 2000. Using Interviews in a Research Project. Dlm. Wilson, A., Williams, M. & Hancock, B. (pnyt.). *Research Approaches in Primary Care* hlm. 113-134. Oxford: Radcliffe Medical Press.
- al-Ghazāli, Muḥammad ibn Muḥammad. 1413H/1993. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*.

- Muhammad 'Abd al-Salām 'Abd al-Shāfi. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Henderson, J.C. 2010. Sharia-compliant hotels. *Tourism and Hospitality Research* 10(3): 246–254.
- Islamic Tourism Centre. 2020a. *Launch of Muslim-Friendly Accommodation Recognition*. <https://itc.gov.my/launch-of-muslim-friendly-accommodation-recognition/> [31 Julai 2021].
- Islamic Tourism Centre. 2020b. Syarat-syarat dan Garis Panduan Pengiktirafan Premis Pelancongan Mesra Muslim. Putrajaya: Islamic Tourism Centre.
- Jabatan Standard Malaysia. 2015. *MS 2610: 2015 Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements*. Cyberjaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim. 2021. Standard penarafan hotel mesra Muslim berdasarkan Maqasid Syariah. Temu bual, 4 Mei.
- Kiplagat W.K., Makindi S. & Obwoyere G.O. 2015. An analysis of hotel rating and its implication on financial turnover of rated hotels in Kenya. *International Journal of Environment, Ecology, Family and Urban Studies (IJEEFUS)* 5(1): 23-33.
- Mastercard-CrescentRating. 2021. Global Muslim Travel Index 2021. <https://www.crescentrating.com/reports/global-muslim-travel-index-2021.html> [31 Julai 2021].
- Mohammad Zaini, Muhammad Adib dan Mohd Izhar Ariff. 2020. Analisis standard hotel mesra Muslim di Malaysia berdasarkan perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic Thought* 18: 43-53.
- Mohd Rizal Razalli, Risyawati Mohamed Ismail & Noorulsadiqin Azbiya Yaacob. 2015. SIHAT: an assessment tool for Shariah-compliant hotel operations. *International Journal Islamic Marketing and Branding* 1(1): 55–68.
- Muhamad Mazlan Kamaruddin. 2021. Standard penarafan hotel mesra Muslim berdasarkan Maqasid Syariah. Temu bual, 11 Jun.
- Rashidi Othman, Siti Syahirah Saffinee, Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim, Zainul Mukrim Baharuddin, Lukman Hakim Mahamod, and Mansor Ibrahim. 2015. Shariah Compliant Audit Checklist for Tourism Accommodation Premises. *Advanced Science Letters*. 21(6):1721-1724.
- al-Raysūni, Ahmad. 1416H/1995. *Nazariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibi*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- al-Raysūni, Ahmad. 1431H/2010. *Madkhal ila Maqāṣid al-Sharī'ah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Rosenberg, P., & Choufany, H. M. 2009. *Spiritual Lodging – The Sharia - Compliant Hotel Concept*. Hvs Global Hospitality Services - Dubai.
- Rozila Ahmad, Noor Azimin Zainol & Mohd Hyrul Abu Karim. 2019. Intention to Adopt Islamic Quality Standard: A Study Of Hotels in Peninsular Malaysia. *KATHA – The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue* 15: 20-45.
- Salam Standard. 2017. Salam Standard by Tripfez Travel. <http://www.comcec.org/en/wp-content/uploads/2017/02/9-TUR-PRE-7-3.pdf> [31 Julai 2021].
- Salam Standard. 2021. Certification Levels/Criteria. <https://www.salamstandard.org/salam-standard-certification/certification-levels.html> [31 Julai 2021].
- al-Shāṭibi, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmi. 1427H/2006. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīah*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- SIRIM QAS. 2021. MS 2610 Muslim Friendly Hospitality. <https://www.sirim-qas.com.my/our-services/management-system-certification-related-services/ms-26102015-muslim-friendly-hospitality-management-system-certification/> [31 Julai 2021].
- Siti Syahirah Saffinee, Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim, Lukman Hakim Mahamod, Mohd Aizat Jamaludin, Betania Kartika Muflih & Rashidi Othman. 2017. The standard elements for muslim-friendly accommodation premises. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 3(2): 121-134.
- Snyder, H. 2019. Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research* 104 (2019): 333–339.
- Tripfez Travel. 2021. Mengapa Tripfez. <https://www.tripfez.com/s/about-us> [31 Julai 2021].
- Zakiah Samori & Fadilah Abd Rahman. 2013. Establishing Shariah-compliant Hotels in Malaysia: Identifying Opportunities, Exploring Challenges. *West East Journal of Social Science* 2(2): 95 – 108.

Aziz Abidin Azmi Puat
p107051@siswa.ukm.edu.my
Pelajar Siswazah,
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Mohammad Zaini Yahaya
zainiyahya@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāsid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāsid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.